



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### KARNIVAL JELAJAH MADANI JOM MASUK TVET ZON UTARA 2024

---

Kementerian Sumber Manusia (KSM) menerusi Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dengan kerjasama Institut Teknikal Jepun-Malaysia (JMTI), Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Yayasan Prihatin Nasional telah mengadakan Karnival Jelajah Madani Jom Masuk TVET Zon Utara 2024. Karnival ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat, Encik Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia yang diadakan di Institut Teknikal Jepun-Malaysia (JMTI), Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Karnival ini merupakan siri pertama daripada enam siri yang akan diadakan pada tahun ini dan akan menjelajah ke seluruh Malaysia.

Karnival ini merupakan platform terbaik dalam memberikan pendedahan awal berkenaan program pendidikan TVET yang ditawarkan oleh Penyedia Latihan Awam dan Swasta khususnya di Negeri Pulau Pinang serta pameran kerjaya dan temuduga secara *walk-in* oleh pihak syarikat. Karnival ini menghimpunkan pengunjung yang terdiri daripada pelajar sekolah, guru, ibu bapa, belia, komuniti dan pihak industri dengan kerjasama oleh Penyedia Latihan Awam dan Swasta yang merentasi pelbagai kementerian dan agensi.

Karnival pada kali ini dibahagikan kepada lima hub iaitu *Skills Exhibition Hub*, *Skills Seminar Hub*, *Skills Job Fair Hub*, *Skills Challenge Hub* dan *Skills Entrepreneur Hub*. Karnival Jelajah Madani Jom Masuk TVET Zon Utara Tahun 2024 ini merupakan inisiatif berterusan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dalam memberi pendedahan kepada komuniti dan masyarakat mengenai TVET.

Karnival ini telah berjaya menghimpunkan seramai 30 pempamer yang terdiri daripada penyedia latihan TVET, industri, agensi awam dan swasta. Pelbagai aktiviti disediakan termasuk pameran dari penyedia latihan TVET, pameran serta program temuduga bagi pencari kerja oleh syarikat-syarikat dan seminar TVET. Para pengunjung boleh mengikuti sesi *Skills Challenge* melalui penyertaan dalam pertandingan *Drone Soccer League* dan *Sumo Robot* yang dianjurkan oleh CIAST dan JMTI.

Karnival ini buat julung kalinya turut memperkenalkan portal UP-TVET sebagai satu sistem permohonan ke institusi TVET. Bermula 30 Oktober 2023, semua permohonan kemasukan ke semua institusi TVET di seluruh negara perlu dibuat melalui saluran tunggal iaitu Unit Pengambilan TVET (UP-TVET). Keputusan menggunakan sistem berpusat ini dibuat bertujuan menyelaraskan permohonan bagi mengelakkan pertindihan dikalangan pemohon dan penyedia latihan TVET.

Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) sentiasa komited dalam memperkasakan dan mengarusperdanakan bidang TVET di negara ini. Ia adalah selaras dengan inisiatif yang telah digariskan di dalam Kerangka Blueprint Pembangunan Modal Insan Berkemahiran 'Memperkasakan Modal Insan Melalui TVET Dipacu Industri 2021-2025.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG  
7 MAC 2024**